

Rabu, 17 Julai 2019 | 3:44pm



TEMPAT pembungkusan dan mengedar baja secara haram di Kawasan Perindustrian Pengkalan. - Foto Effendy Rashid

14,600kg baja disita

Oleh Mohd Hafizee Mohd Arop
hafizee@bh.com.my

IPOH: Beroperasi di premis terpencil dengan keadaan tempat pembungkusan yang uzur, menjadi taktik sebuah syarikat membungkus dan mengedar baja secara haram di Kawasan Perindustrian Pengkalan di sini sejak enam bulan lalu.

Premis itu terletak di bahagian belakang kawasan perindustrian dengan jalan masuk berbatu, sekali gus menyukarkan pihak berkuasa untuk mengesan sebarang kegiatan melanggar undang-undang di situ.

Bertindak atas maklumat awam dan risikan selama dua minggu, premis itu diserbu penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwat Pengguna (KPDNHEP) Perak, kira-kira jam 5 petang semalam.

Dalam serbuan itu, seorang lelaki berusia 57 tahun yang mengaku pemilik premis terbabit serta beberapa pekerja ditahan bagi membantu siasatan. Bagaimanapun, mereka dibebaskan selepas diambil keterangan.

KPDNHEP turut menyita baja pelbagai jenama sebanyak 438 beg dengan berat 14,600 kilogram bernilai RM20,293.

Bercakap pada sidang di sini, hari ini, Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Perak, Khalid Tik, berkata siasatan pihaknya mendapati premis membungkus dan mengedar baja berkenaan tidak mempunyai lesen.

Katanya, pihaknya mendapati pemilik premis menjadikan sebuah gudang sebagai stor simpanan baja sebelum dibungkus dan diedarkan kepada pelanggan di sekitar negeri ini.

"Siasatan awal mendapati pemilik premis mengakui tidak pernah membuat permohonan lesen untuk menjalankan aktiviti menyimpan, membungkus dan mengedar barang kawalan itu.

"Siasatan lanjut masih dijalankan dan kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974," katanya.

